

Proaspirasi menang majoriti di UPM

Serdang: Kumpulan proaspirasi dikenali sebagai Mahasiswa Putra (MP) menang majoriti kerusi dipertandingkan pada pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan 37 berbanding 45 kerusi dipertandingkan dalam Pilihan raya Kampus bagi sesi 2016/2017.

Calon yang mendapat undian tertinggi 8,286 Mohd Noraiman Mohd Fadzil, 20, berkata, kemenangannya bagi sesi ini songgan daripada rakan seperjuangan yang yakin dan mempercayai manifesto diperjuangkan.

"Ini kali pertama saya bertanding dan jumlah undian tertinggi di luar jangkauan kerana ada ramai calon lain dari kategori Umum dan Fakulti yang ada kelebihan tersendiri.

"Aspek kebajikan mahasiswa menjadi keutamaan saya dalam bermanifesto, antaranya ialah menambahkan jumlah bas bagi kemudahan mahasiswa serta menyelaraskan harga makanan dan minuman di kampus," katanya ketika ditemui di Dewan Kolej 13, UPM di sini, selepas pengumuman keputusan pengundian itu semalam.

Menurutnya, persediaan bertanding bukan saja dilakukan pada waktu berkempen, tetapi sejak awal lagi dan perkara pa-



FAKTA
Manifesto utama tambah jumlah bas dalam kampus, selaras harga makanan dan minuman

DR Mohammad Shatar (dua dari kanan) beramah mesra dengan pelajar.

menegur. Aspek penting adalah menjaga hubungan baik dengan semua orang serta saling menegur.

Proses pengundian di UPM berjalan lancar membabitkan 75 peratus pelajar memilih 45 ahli MPP bagi sesi 2016/2017.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP 2016 Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran berkata, pihak universiti berharap barisan pemimpin yang dilantik sentiasa menyokong dasar dan agenda universiti iaitu untuk memastikan mahasiswa sentiasa cemerlang dalam as-

pek akademik dan sahsiah yang seterusnya membawa universiti ke tahap lebih tinggi.

"Ini kerana universiti adalah platform untuk melatih pelajar memperjuangkan kebajikan mahasiswa itu sendiri di peringkat universiti dengan mencari isu bersesuaian yang boleh diketengahkan dan diselesaikan.

"Langkah ini boleh membiasakan mereka untuk berdepan dengan orang ramai di samping meningkatkan kesedaran tanggungjawab sebagai pemimpin yang mana tidak hanya menjanjikan sesuatu yang tidak mampu dilaksanakan," katanya.